AISHAH BINTE SARKONI

lwn

SARKONI BIN KADIM

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' ABDUL AZIZ BIN MOHAMAD H.
[PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-17-93]
10 SEPTEMBER 1993

HABEAS CORPUS - Permohonan dibuat oleh orang ketiga - Permohonan berasaskan kepada surat yang ditulis oleh pemohon kepada orang ketiga - Konstruksi kandongan surat - Samada pemohon ditahan dan dikurung secara paksa - Samada kawalan keatas pemohon satu kawalan pemenjaraan.

Orang yang dinamakan sebagai pemohon dalam kes ini (Aishah), telah bernikah dengan seorang yang bernama Ilyas atas kepercayaan bahawa Ilyas, yang sebelumnya beragama Hindu, telah memeluk agama Islam. Aishah kemudiannya tinggal dan hidup bersama Ilyas. Pernikahan ini telah dijalankan tanpa pengetahuan dan restu dari responden, iaitu bapa pemohon, dan tanpa keizinan dari mana-mana pihak berkuasa agama Islam. Oleh kerana pernikahan tersebut menjadi kontroversi disebabkan keislaman Ilyas tidak dapat dipastikan, maka responden, dengan bantuan Pejabat Agama Sepang dan juga pihak polis, telah mengambil Aishah kembali ke pangkuannya sementara Pejabat Agama Sepang menyiasat dan menyelesaikan masalah yang berbangkit.

Semasa berada dalam jagaan responden, Aishah telah menulis dua pucuk surat kepada Ilyas. Berdasarkan kepada kandongan surat-surat tersebut Ilyas membuat anggapan bahawa Aishah telah ditahan dan dikurung secara paksa oleh responden dan atas alasan itu telah memohon satu writ *habeas corpus* bagi membebaskan Aishah dari "tahanan" responden. Dalam afidavit sokongannya Ilyas mengatakan, antara lain, bahawa beliau adalah tunang Aishah dan bahawa dia telah diberi kuasa oleh Aishah untuk mengikrarkan afidavit bagi pihak diri Aishah. Aishah sendiri tidak mengikrarkan apa-apa affidavit atau memberikan apa-apa keterangan bagi tujuan permohonan ini.

Diputuskan:

[1] Permohonan ini tidak menzahirkan alasan-alasan faktual yang cukup bagi mengeluarkan writ habeas corpus. Kandungan surat-surat pemohon dan implikasi yang boleh disedut daripadanya tidak menunjukkan bahawa pemohon sedang ditahan atau dikurung dalam erti bahawa, sekiranya pemohon hendak lari dari rumah itu, dia tidak akan berjaya. Surat surat tersebut sebaliknya menunjukkan bahawa pemohon sendiri patuh kepada usaha keluarganya dan Pejabat Agama untuk menyelesaikan masalah pernikahannya dengan Ilyas.

[2] Surat-surat pemohon tidak membuat apa apa dakwaan terhadap bapanya. Walaupun dalam satu suratnya pemohon ada mengatakan bahawa pemohon tidak boleh kemana-mana kerana " kita masih lagi dalam kawalan polis", itu tidaklah bererti bahawa ada kawalan pemenjaraan atau pun bahawa polis sentiasa berada dirumah keluarga pemohon untuk menghalang pemohon daripada keluar dari rumah itu. Kalaupun keadaannya memang begitu, maka polislah yang harus menjadi responden dalam kes ini dan bukannya bapa pemohon.

[Permohonan ditolak].

Bagi pihak pemohon - Encik Karpal Singh; T/n Karpal Singh & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Abdul Aziz bin Mohamad H:

Orang yang kelihatan sebagai pemohon dalam permohonan ini dikatakan gadis dua puluh satu tahun. Permohonan ini disokong oleh afidavit seorang yang bernama Ilyas bin Abdullah ("Ilyas") yang mengakui dirinya tunang pemohon. Notis usul bagi permohonan ini memberi nama pengikrar afidavit itu sebagai Elavalagu a/l Ledchumanan. Kesimpulan Ilyas menghulurkan dirinya sebagai mualaf dari agama Hindu. Permohonan ini berasaskan dua pucuk surat yang Ilyas berkata dia telah terima dari pemohon dan yang ditujukan, atas satu sampul surat, kepada Elava, dan, atas satu sampul yang lain, kepada Astilah (Elava). Ilyas mendakwa pemohon ditahan dan dikurung secara paksa oleh responden, bapanya. Dia mendakwa demikian semata-mata dengan berasaskan surat-surat itu. Implikasi daripada afidavit Ilyas ialah bahawa dia mendakwa sebab bapa pemohon bertindak demikian ialah kerana dia tidak bersetuju dengan persahabatan mesra diantara pemohon dan Ilyas yang telah terjalin sejak 1990.

Ilyas tidak mengemukakan apa-apa maklumat dari pengetahuannya sendiri tentang keadaan sebenar pemohon. Dia bergantung kepada surat-surat itu semata-mata. Tidak juga pemohon sendiri mengikrarkan apa-apa afidavit. Menurut Ilyas, mustahil bagi pemohon berbuat demikian kerana dia dalam tahanan. Maka pemohon telah memberi kuasa kepada Ilyas untuk mengikrarkan afidavit bagi pihak pemohon. Bila dan bagaimana pemohon, jika benar dia ditahan, memberi kuasa itu tidak dinyatakan oleh Ilyas. Tidaklah salah jika fikiran tertanya-tanya sama ada benar pemohon telah membenarkan Ilyas membuat afidavit itu atau tahupun permohonan ini akan dibuat terhadap bapanya sendiri.

Saya rasa kemustahilan pemohon mengikrarkan afidavit adalah sangkaan Ilyas semata-mata. Ilyas tidak menyatakan dia atau mana-mana pihak telah berusaha menemui pemohon untuk tujuan itu tetapi gagal. Jika benar pemohon ditahan dan dikurung, dan kawalan terhadapnya begitu ketat hinggakan dia tidak dapat dihubungi, sebagaimana disangka oleh Ilyas, bagaimanakah pemohon dapat menulis dan mengirim dua pucuk surat itu, dan memberi kuasa yang dikatakan itu kepada Ilyas?

Saya menyebut tentang ketiadaan afidavit pemohon itu hanyalah untuk menunjukkan bahawa adalah tidak diketahui apakah yang pemohon sendiri hendak memberitahu mahkamah tentang soal pokok dalam permohonan ini, iaitu sama ada benar dia ditahan dan dikurung secara paksa. Tanpa afidavit pemohon, soal itu perlulah ditentukan dari surat-suratnya sahaja, dan di sini ingin saya menyatakan pandangan bahawa surat-surat itu, yang ditulis bukan untuk kes ini, adalah lebih *reliable* sebagai bahan untuk membayang atau menggambarkan keadaan sebenar dalam mana pemohon berada daripada afidavit yang ikrarkan khusus untuk menjayakan permohonan ini.

Gambaran kasar yang saya perolehi dari surat-surat itu tentang kisah yang menjadi latarbelakang kepada permohonan ini adalah kira-kira begini. Pemohon telah bernikah dengan Ilyas atas sangkaan atau kepercayaan bahawa Ilyas telah di islamkan oleh seorang yang dipanggil bapa angkatnya. Pernikahan itu telah dilangsungkan tidak dalam keadaan biasa, oleh kerana ia tidak diketahui oleh bapa pemohon dan tidak diuruskan melalui saluran-saluran tertentu pihak berkuasa agama Islam. Pemohon telah hidup bersama Ilyas di rumah Ilyas atau keluarga Ilyas. Apabila pernikahan mereka diketahui oleh bapa pemohon dan Pejabat Agama Sepang, isu yang berbangkit ialah sama ada Ilyas telah benar-benar Islam dan sama ada nikahnya dengan pemohon sah. Antara perkara-perkara yang dipersoalkan ialah sama ada Ilyas telah bersuci diri, telah berkhatan dan telah diterima oleh PERKIM. Oleh kerana pernikahan mereka telah dijadikan kontroversi, usaha telah dilakukan supaya pemohon meninggalkan Ilyas dan kembali duduk bersama keluarganya sementara Pejabat Agama Sepang menyiasat dan menyelesaikan masalah itu. Pihak polis telah terlibat dalam usaha menghindar perhubungan yang mungkin ditegah oleh agama Islam antara pemohon dan Ilyas. Tentang sama ada pernikahan mereka sah, adalah signifikan bahawa Ilyas, dalam afidavitnya, mengakui dirinya hanya sebagai tunang dan bukan suami pemohon.

Dalam keadaan begitu, tentulah bapa dan keluarga pemohon akan menghalang pemohon daripada kembali kepada Ilyas sehingga masalah nikah mereka diselesaikan. kerana apa yang telah berlaku, tentulah bapa dan keluarga pemohon akan banyak bertanya kepada pemohon dan memarahinya. Tentulah pemohon akan berada dalam keadaan dukacita, sedih dan merindui Ilyas. Itu semua adalah perkara biasa jika timbul masalah seperti ini dalam sesuatu keluarga.

Tujuan Pejabat Agama bukanlah untuk melarang pemohon dan Ilyas daripada mendirikan rumahtangga tetapi untuk mengatasi masalah yang menghalang mereka hidup bersama, iaitu masalah keislaman Ilyas. Jika sah keislaman Ilyas dan segala syarat, dan peraturan lain tentang pernikahan sudah sempurna, mereka boleh bersuami-isteri. Dalam suratnya yang kedua, pemohon berkata mereka mungkin akan dinikahkan sekali lagi di Daerah Sepang. Tetapi sebelum itu Pejabat Agama Sepang perlu memastikan keislaman Ilyas, dan untuk itu, perlu menyoal pemohon dan Ilyas.

Dalam surat-surat pemohon, tidak ada tanda-tanda yang keluarga pemohon mengambil sikap atau pendirian yang berlainan. Dalam suratnya yang pertama, pemohon men-

ceritakan bagaimana, setelah bertanya macam-macam kepada pemohon tentang Ilyas, keluarga pemohon berkata: ".....mungkin sudah jodoh kau". Ini menunjukkan sikap yang sanggup menerima keadaan sekiranya ditakdirkan pemohon bersuamikan Ilyas. Malah, dalam surat tersebut, pemohon berkata dia sedang mengikuti kursus pernikahan. Untuk apa? Tentulah untuk pernikahan dengan Ilyas.

Kalaupun pemohon telah bersalah terhadap keluarganya pada mulanya kerana bernikah dengan Ilyas, surat-surat pemohon menunjukkan pemohon patuh kepada usaha-usaha keluarganya dan Pejabat Agama untuk menyelesaikan masalah pernikahannya dengan Ilyas. Dalam suratnya yang pertama, pemohon berkata bahawa sekarang perkara pemohon dan Ilyas diatur oleh bapa pemohon dan beberapa orang Pejabat Agama "dan kita hanya mengikut sahaja". Sesungguhnya, jika pemohon cintakan Ilyas dan ingin mendirikan rumahtangga yang aman dan bahagia dengan pemohon tidak ada pilihan kecuali bersabar dan mengikut sahaja usaha-usaha yang diatur oleh bapanya dan Pejabat Ugama. Tidak ada kebaikan bagi kehidupan pemohon dan Ilyas jika pemohon menetang keluarganya dan kembali hidup bersama Ilyas dalam keadaan yang masih belum menentu itu.

Sekarang saya akan membicarakan tentang surat-surat itu secara khusus, terutamanya dari segi wujudnya atau tidak bukti bagi menyatakan pemohon sedang ditahan dan dikurung secara paksa.

Surat pertama membawa tarikh pos 2 Ogos 1993. Surat itu adalah dalam nada yang *apologetic*, seolah-olah pemohon bimbang dan tidak yakin akan reaksi Ilyas apabila menerima surat itu. Pemohon meminta maaf kerana mengganggu Ilyas, tetapi dia tidak ada tempat hendak mengadu.

Tujuan surat itu ialah meminta Ilyas datang berjumpa dengan pemohon di rumah keluarganya kerana dia merindui Ilyas dan ada perkara penting yang dia hendak memberitahu Ilyas. Pemohon berkata Ilyas tidak perlu takut hendak datang, tetapi jika dia takut, bawalah kawan, atau polis atau bapa angkatnya. Jika Ilyas datang, pemohon memintanya membawa bersama pakaian pemohon yang ada di rumah Ilyas. Permintaan ini menunjukkan bahawa, dari sudut pandangan pemohon sendiri, Ilyas

a memang boleh datang menjumpainya di rumah keluarganya jika Ilyas sanggup dan memberanikan diri. Tetapi pemohon bimbang Ilyas tidak sanggup datang kerana Ilyas benci kepada keluarganya. Ini bukti dari kata-kata pemohon, yang memanggil dirinya sebagai "As":

b

> As mengharap sangat kedatangan abang ke rumah As. Abang tak perlu takut untuk datang. Jika abang benci kat dia orang tapi kesihanlah kat As. Apalah salah As.

Sama ada Ilyas menyahut panggilan pemohon itu tidaklah diketahui dari bahan yang ada dalam permohonan ini.

c

Untuk sebab mengapa Ilyaslah yang perlu datang menemui pemohon, pemohon berkata begini:

d

> Abang, dalam keadaan ini As tak boleh ke mana-mana. Sebab kita masih dalam kawalan polis. Kalau kes kita selesai, boleh juga As datang ke rumah abang.

Itulah sahaja bahan dalam surat itu yang boleh digunakan untuk menentukan sama ada pemohon sedang ditahan dan dikurung secara paksa oleh bapanya sebagaimana didakwa oleh Ilyas dalam afidavitnya. Sayugia diperhatikan

e bahawa dalam suratnya itu pemohon sendiri langsung tidak membuat dakwaan tentang perkara itu terhadap bapanya. Diambil secara literal, kata-kata pemohon itu bererti sebabnya pemohon tidak boleh ke mana-mana ialah kerana "kita masih dalam kawalan polis". Tetapi

f itu tidaklah bererti ada polis sentiasa di rumah keluarga pemohon untuk menghalang pemohon secara fizikal daripada keluar dari rumah itu. Jika begitu, tentulah polis akan dijadikan responden dalam permohonan ini dan bukan bapa pemohon. Saya tidak percaya polis di negara ini mampu dan sanggup memberi

g khidmat seperti itu yang jelas menyalahi undang-undang. Lagipun, menurut pemohon, yang berada dalam kawalan polis bukanlah pemohon sahaja, tetapi "kita", iaitu Ilyas juga. Tetapi mengapakah, bagi pemohon, Ilyas, yang turut dalam kawalan polis seperti pemohon,

h bebas keluar rumah untuk pergi menemui pemohon? Jawapannya, saya percaya, ialah kerana kawalan polis yang dikatakan dikenakan kepada pemohon dan Ilyas itu bukanlah kawalan seperti pemenjaraan, tetapi, kalau iapun, kawalan dari segi memerhati dan mengambil langkah yang wajar, seperti memaklumkan

i kepada bapa pemohon atau Pejabat Agama sekiranya pemohon dan Ilyas berdua kembali.

Jika sudah ada polis sentiasa mengawal pemohon di rumahnya, apa perlunya pemohon menasihati Ilyas supaya membawa polis jika Ilyas takut datang ke rumah pemohon?

Surat pemohon yang kedua membawa tarikh pos 3 Ogos 1993, sehari selepas surat pertama. Tujuan surat ini ialah untuk memberi amaran kepada Ilyas supaya bersedia apabila pegawai-pegawai Pejabat Agama atau keluarga pemohon menyoalnya tentang keislamannya. Pemohon risau Ilyas tidak dapat menjawab apabila disoal. Pemohon menasihatkan Ilyas supaya bertanyakan bapa angkatnya. Pemohon merayu kepada Ilyas supaya belajar sedikit untuk mengetahui tentang Islam supaya tidaklah susah jika Ilyas disoal kelak.

Di beberapa tempat dalam surat itu, yang juga bernada *apologitic*, pemohon menzahirkan kebimbangannya Ilyas akan sakit hati dan marah terhadapnya kerana mengingatkannya tentang perkara itu, seolah-olah pemohon tahu Ilyas tidak mementingkan perkara keislaman itu dan merasa *resentful* kerana dibebankan dengan soal itu. Ada juga tanda bahawa pemohon sendiri meragui Ilyas jujur dalam perkara masuk Islam. Setelah memberitahu Ilyas tentang keluarga pemohon asyik bertanyakannya adakah Ilyas betul-betul Islam, pemohon berkata begini:

> Abang perbaikilah diri abang. Jangan terlalu mmembohongi diri abang bermakna abang juga akan membohongi diri As dan abang akan menjerat esok hari.

Dalam perenggan yang sama surat itu, pemohon ada berkata: "Cukuplah dia mentoca As. As dah tak tahan asyik kena bodah...." Dalam konteks surat itu, "dia" mungkin merujuk kepada keluarga pemohon atau orang Pejabat Agama. Perkataan "mentoca" mungkin bererti mentorture. Perkataan "bodah" saya tidak dapat agak ertinya. Walau apapun erti kata-kata itu, saya percaya, dari konteks perenggan itu, bahawa apa yang diratapi oleh pemohon di situ sebagai yang dideritai olehnya bukan sesuatu penderitaan jasmani tetapi sesuatu tekanan mental atau jiwa kerana banyak disoal tentang status agama Ilyas.

Di satu perenggan lain seperti perenggan tadi, setelah menyatakan dia bimbang keluarga pemohon akan memeriksa Ilyas tentang sama ada dia telah berkhatan dan setelah menegaskan bukanlah pemohon "yang mengadakan cerita", pemohon berkata:

> Jika abang nak keterangan lebih lanjut tolonglah As dan selamatkan As dari rumah ini.

Saya percaya bahawa permintaan itu bukanlah bererti secara literal sebagai pemohon sedang dipenjarakan di rumah keluarganya. Ertinya dapat difahami dari kata-kata pemohon sebentar selepas itu:

> Sebab As sayangkan abang As terpaksa berbuat begini supaya abang bersedia bila abang kena tanya. Abang As sayangkan abang. As harap abang akan berjaya untuk As. As sentiasa mendoakan abang supaya abang dapat mengambil As kembali di sisi abang.

Maksud pemohon di situ ialah supaya Ilyas bersedia untuk disoal supaya dia berjaya mengatasi rintangan tentang agama itu dan, dengan itu, supaya masalah pernikahan pemohon dan Ilyas dapat dibereskan dengan sah dan Ilyas dapat mengambil pemohon kembali sebagai isterinya yang sah. Maksud pemohon ialah meminta Ilyas berusaha melengkapkan dirinya supaya dapat mengambil balik pemohon dari rumah keluarganya sebagai isteri Ilyas yang sah.

Itulah sahaja bahan-bahan daripada surat kedua itu yang dapat digunakan untuk menimbang dakwaan bahawa pemohon ditahan dan dikurung oleh bapanya.

Apa yang saya ceritakan tadi tentang pemohon dan Ilyas dengan masalah mereka, khususnya tentang latarbelakang kepada kes ini, janganlah disalaherti sebagai *findings* saya tentang fakta-fakta dalam kes ini. Apa yang sebenarnya telah berlaku mungkin berlainan dari segi *detail* dan rentetan kejadian. Mungkin ada hal-hal yang pemohon tidak ceritakan dalam surat-suratnya. Mungkin apa yang pemohon katakan tidak kesemuanya tepat. Apa yang saya ceritakan itu adalah semata-mata gambaran yang dapat disedut daripada surat-surat pemohon sendiri, untuk menunjukkan bahawa, memandangkan surat-surat itu sahaja yang menjadi asas bagi mendakwa bahawa pemohon sedang ditahan dan dikurung oleh bapanya, kandungan surat-surat itu dan implikasi yang boleh disedut daripadanya tidak menunjukkan bahawa pemohon sedang ditahan atau dikurung dalam erti bahawa, sekiranya pemohon hendak lari dari rumah itu, dia tidak akan berjaya. Mungkin bapa dan keluarganya telah memarahinya dan

telah memberi amaran kepadanya supaya jangan meninggalkan rumah itu, dengan akibat-akibat yang akan berlaku sekiranya dia berbuat demikian. Mungkin Pejabat Agama dan polis sedang memerhati gerak-geri pemohon dan Ilyas untuk mencegah sesuatu yang tidak diingini di antara mereka. Tetapi dari surat-surat itu saya nampak situasi dimana pemohon boleh lepas dari rumah itu sekiranya dia berdegil, dan jika dia masih berada di situpun, walaupun dia tidak suka dan ingin sangat hendak kembali kepada Ilyas, sebabnya ialah kerana dia tidak mahu menentang apa yang telah diaturkan untuk kebaikan dirinya sendiri dan Ilyas.

Atas sebab-sebab itu saya tidak nampak permohonan ini menzahirkan alasan-alasan faktual yang cukup bagi mengeluarkan writ *habeas corpus* dan saya menolaknya tanpa perlu mendengar jawapan responden, yang belum disampaikan permohonan ini.

KAMARUDIN & PARTNERS
(DIDAKWA SEBAGAI FIRMA)

lwn.

BONG NYUK LAN DAN SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI , MELAKA
DATO' HJ. MOHD. NOOR
BIN HJ. AHMAD H.
[RAYUAN SIVIL NO. 12-3-1988]
13 OGOS 1993

AMALAN DAN PROSEDUR - Garnismen - Tindakan garnismen oleh kreditor tidak terjamin - Aset berada ditangan penerima dan pengurus - Urusan pembayaran keutamaan belum selesai - Sama ada perintah garnismen mutlak patut dibuat - Sama ada penerima dan pengurus terhutang kepada garnisi semasa perintah garnismen nisi - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi, 1980; Aturan 49 kaedah 1.

Pada 20 Januari 1988 garnisi dalam kes ini telah melaksanakan satu debentur diatas aset-asetnya bagi manafaat Malayan Banking Berhad (MBB) berhubung dengan satu pinjaman tetap dan kemudahan overderaf. Pada 10 Oktober 1989 MBB telah melantik penerima dan pengurus untuk mengendalikan aset yang dicagar oleh garnisi setelah garnisi gagal membayar hutangnya. Penerima dan pengurus diberi kuasa, antara lain, untuk menjalankan perniagaan garnisi dan menjual aset-asetnya yang berkaitan serta membuat pembayaran-pembayaran keutamaan berikut:

i) Membayar tuntutan kreditor-kreditor terjamin yang mempunyai prioriti keatas debentur tersebut;

ii) Membayar segala kos dan perbelanjaan berkaitan dengan perlantikan penerima dan pengurus termasuk upah yang menasabah kepada penerima dan pengurus;

iii) Membayar faedah MBB; dan

iv) Membayar hutang pokok kepada MBB.

Pada 29 Januari 1988, iaitu selepas debentur berkenaan dilaksanakan, penghutang penghakiman telah mendapat satu penghakiman sebanyak RM24,520 terhadap garnisi. Penghutang penghakiman sendiri, bagaimanapun, kemudiannya telah diperintahkan membayar kepada pemiutang penghakiman sebanyak RM5,298 berikutan kegagalan tuntutannya terhadap pemiutang